AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Selangor catat kes harian tertinggi diikuti Sabah

# Kluster hari keluarga, penyumbang kes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kluster berkaitan majlis hari keluarga serta kluster tempat kerja termasuk 86 kluster mencatatkan pertambahan kes semalam.

Ia sekali gus antara penyumbang kepada kes harian negara dengan 3,339 kes dilaporkan semalam.

Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 1,314 kes dengan 1,122 kes daripada kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti Sabah sebanyak 393 kes dan Johor sebanyak 362 kes.

Sebanyak 159 kes berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara direkodkan.

Tujuh kematian dicatatkan di Johor, Negeri Sembilan, Kedah dan Selangor melibatkan tiga lelaki dan empat wanita berusia antara 32 hingga 93 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 86 kluster yang melaporkan pertambahan kes, kluster yang mencatatkan peningkatan tertinggi ialah Kluster Tapak Bina Lebuh (253 kes), Kluster Jalan Rantau-Siliau (96 kes) dan Kluster Penjara Jalan Harapan (94 kes).

Menurutnya, sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti melibatkan Kluster Jalan Pandan Indah di Hulu Langat, Selangor iaitu kluster tempat kerja, hasil saringan bersasar di sebuah syarikat di Jalan Pandan Indah, Kuala Lumpur.

"Kluster DTI Sepang 2 pula di Sepang dengan 80 kes saringan tahanan sebelum dihantar pulang ke negara asal.

"Kluster Taman Ikan Jinak berkaitan majlis hari keluarga di Tuaran dan Kota Belud, Sabah dengan kes indeks bergejala dan 21 kes positif dikesan. Lokaliti majlis di Taman Ikan Jinak Melangkap Tiong, Kota Belud," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Mawila di Kota Kinabalu dengan kes indeks anggota tentera di Wisma Pelayaran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Sepanggar, Jalan Mawila, Kota Kinabalu hasil saringan sebelum rentas negeri.

"Kluster Jalan Perak di Johor Bahru, Johor melibatkan 35 kes hasil saringan bersasar di sebuah kilang di Jalan Perak 4, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

"Seterusnya, Kluster Jalan Menerung di Lembah Pantai, Kuala Lumpur melibatkan pengawal keselamatan di Apartment One Menerung, Jalan Menerung, Bangsar," katanya.

Noor Hisham berkata, Kluster Tapak Bina Jalan Yap di Titiwangsa dikesan hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Yap Kwan Seng, Kampong Bharu.

Ujarnya, pihaknya turut mengesan Kluster Rantau Lada di Temerloh dan Maran, Pahang selain Kluster Pantai Peringgit di Melaka Tengah dan Jasin, Melaka.

"Satu lagi kluster ialah Kluster Jalan Mohammed Salleh di Labuan dengan kes indeks bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah," katanya.



**SEORANG penunggang basikal melakukan aktiviti riadah sempena cuti hujung minggu di sekitar kawasan Putrajaya semalam.** – FARIZ RUSADIO

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu<br>**Import: 15 Tempatan: 3,324** | 3,339 |
| Pulih | 2,676 |
| Kematian | 7 |
| Masih dirawat | 37,782 |
| Jumlah kes sembuh | 120,051 |
| Jumlah Kematian | 601 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **158,434** |